



## **KENYATAAN MEDIA**

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
27 MEI 2018

---

### **MAYBANK ISLAMIC, IRM AGIH SUMBANGAN RAMADHAN RELIEF**

---

**Dengkil, 25 Mei 2018** - Maybank Islamic dengan kerjasama Badan kemanusiaan antarabangsa Islamic Relief Malaysia (IRM) mengagihkan sumbangan pek makanan Ramadhan Relief kepada 100 buah keluarga kaum Orang Asli di sini hari ini.

Majlis Iftar dan Penyerahan Sumbangan Pek Makanan Ramadan yang diadakan di SK Bukit Tampoi itu merupakan program bantuan Ramadhan Relief sempena kempen #SalamRamadan anjuran IRM. Ia membabitkan murid-murid, ibu bapa serta penduduk Kampung Orang Asli yang beragama Islam dari Bukit Tampoi, Air Bangkong dan Bukit Raja.

Agihan itu telah disempurnakan oleh Ketua Pengurusan Wakaf & Zakat Maybank Islamic, Hj. Azhar Alias, Pengurus Cawangan Maybank KLIA2, Rusli Abd Malek, Pengarah Bahagian Program Domestik IRM, Sharlina Adnan, serta Guru Besar SK Bukit Tampoi, Siti Saadah bt Mukrim.

Turut hadir di dalam majlis itu, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Sepang, Tuan Haji Arbain Pinni, YDP PIBG SK Bukit Tampoi, Ilam Senin dan Pengarah Persatuan Barokah Jumaat, Cik Mazuin.

Sharlina dalam ucapannya berkata, bantuan pek makanan untuk bersahur dan berbuka puasa itu mengandungi makanan asas seperti beras, tepung, minyak, mihun, biskut, sardin, sos, kicap, garam, gula, teh dan juga minuman bercoklat diberikan untuk memastikan semua penerima manfaat dapat menjalani ibadah puasa dengan sempurna.

Sementara itu, Azhar ketika berucap berkata, "Program sebegini adalah sejajar dengan konsep kami iaitu 'menginsankan perkhidmatan kewangan' di mana keuntungan yang kami peroleh, kami beri semula kepada masyarakat.

"Maybank Islamic telah bekerjasama dengan IRM sejak tahun 2013 lagi menerusi program Ramadhan Relief.

“Tahun ini sahaja, di bawah tajaan Maybank Islamic, sebanyak 94 lokasi telah dipilih untuk agihan di Malaysia dan jumlah keseluruhan penerima manfaat adalah sebanyak 70,000 orang di 10 negara Asia,” jelasnya.

Dalam majlis penyerahan itu, kesemua penerima manfaat, pegawai-pegawai Maybank Islamic dan IRM, kakitangan sekolah serta tetamu yang hadir diraikan dengan majlis iftar yang diuruskan oleh pihak sekolah.

Seorang ibu tunggal yang juga penerima sumbangan pek makanan, Noraini Aina Abdullah, 37 tahun berkata, “Ini pertama kali saya terima sumbangan daripada IRM. Saya mengucapkan terima kasih kepada IRM dan penaja atas bantuan ini,” katanya ringkas.

### **Mengenai Ramadhan Relief**

Ramadhan Relief merupakan program bermusim yang dilaksanakan oleh Islamic Relief (IR) di seluruh dunia bertujuan untuk membekalkan makanan asas kepada keluarga penerima manfaat bagi juadah bersahur dan berbuka.

Tahun ini, IRM mengagihkan sumbangan sebanyak 6,300 pek makanan di Malaysia dan 3,540 pek makanan di lebih 30 buah negara termasuk Syria, Palestin, Somalia dan lain-lain.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC). IR menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan, pembangunan mampan sosial bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana. IR membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina atau kefahaman politik tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sejak 1984, IR telah berkhidmat di lebih 45 buah negara dan mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**  
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)